

HARI GIS 2023

APA ITU HARI GIS?

Sambutan Hari GIS disambut setiap tahun pada 15 November dengan matlamat untuk menarik perhatian masyarakat ke arah penggunaan *Geographic Information System* dalam penyebaran data serta memperluaskan integrasi statistik dan maklumat spatial yang komprehensif melibatkan kependudukan dan demografi, sosial, ekonomi, alam sekitar dan pertanian.



LATAR BELAKANG

- GIS dibangunkan pada tahun 1962 oleh Dr. Roger Tomlinson yang juga digelar sebagai '*The Father of GIS*'. Beliau telah memperkenalkan Sistem Maklumat Geografi kepada *Canada Land Inventory*.
- Sambutan Hari GIS pertama diadakan pada 19 November 1999 sebagai sebahagian dari Minggu Kesedaran Geografi dengan anjuran bersama Pengasas ESRI (Jack Dangermond), *National Geographic Society* (NatGeo) dan *Association of American Geographers* (AAG).
- Anjuran Hari GIS ini telah diilhamkan oleh seorang aktivis dan peguam Amerika, Ralph Nader, yang mempercayai bahawa sambutan ini merupakan salah satu cara yang terbaik untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan geografi dan teknologi GIS.

Tema Sambutan Hari GIS Peringkat Dunia

*"Celebrating the GIS
Professional"*



Hari Sistem Maklumat Geografi (GIS) diraikan di Malaysia dan di seluruh dunia. Hari GIS biasanya disambut pada minggu ketiga bulan November setiap tahun. Pelbagai organisasi, institusi pendidikan, dan komuniti GIS mengadakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan manfaat Sistem Maklumat Geografi.


SAMBUTAN HARI GIS MALAYSIA DAN LUAR NEGARA

Di Malaysia, beberapa aktiviti yang diadakan adalah seperti seminar, bengkel, pameran GIS, pertandingan, dan acara sosial untuk menyatukan para profesional GIS, ahli akademik dan masyarakat umum.


Hari GIS disambut di pelbagai negara dengan aktiviti yang sama seperti di Malaysia. Acara-acara merangkumi persidangan antarabangsa, pameran GIS global, webinar dan aktiviti kolaboratif antarabangsa.

PRODUK GEOSPATIAL DOSM


STATS Geoportal



Penyediaan Data Spatal/ *Small Area Statistics*



Pengemaskinian Peta Statistik



Aplikasi Dashboard Geospasial



Pembangunan Address Geocode



Penyebaran Newsletter

